

TEKS UCAPAN
Y.BHG. BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN
HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KEJOHANAN SUKAN OLAHRAGA TERTUTUP UNIMAP
PADA 1 MAC 2009, DI STADIUM UITM ARAU PERLIS

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Selamat Malam.

Wan Aun (Selamat Malam)

Malai Vanakkam (Selamat Malam)

Konbanwa (Selamat Malam)

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin
Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda
Perlis dan juga Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang
Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah
Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP di Stadium UiTM cawangan Arau pada malam ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada malam ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis wakil kepada YAB Menteri Besar Perlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Wakil-Wakil Media, barisan atlit-atlit UniMAP yang bertanding, seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP bagi tahun 2009 ini.

Marilah kita bersama-sama juga berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan.

Ladies and gentlemen,

It is my honor to welcome all of you here to this wonderful night of Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP at UiTM Stadium Arau.

It is great to see so many enthusiastic and energetic men and women celebrating this fantastic night.

To the international students, I know that many of you have traveled from quite a distance and I would like to acknowledge them from Xinjiang, China, Indonesia, Sudan and other Middle East countries. Are you happy to be here tonight?

I would also like to thank all the team members and staff for all the support. The success of this event would not have been possible without valued support from you.

To be honest, my feelings are all mixed up now. On the one hand, I am very excited to be here tonight because this is one of my favorite events of the year. But on the other hand, I am a little nervous because I have to run 50meters tonight. I hope I will win. So, please support and cheer for me.

Hadirin-dan hadirat sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menguntumkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan kejayaan penganjuran Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP tahun ini.

Meskipun agak lewat dari kebiasaannya yang sering kita laksanakan pada bulan Januari, namun berkat kerja keras dan komitmen semua pihak, kita tetap berjaya menganjurkan Kejohanan ini tanpa sebarang masalah. Syabas dan Tahniah!.

Saya difahamkan, sebanyak 79 acara dipertandingkan tahun ini berbanding 75 acara pada tahun lalu membabitkan kategori pelajar (lelaki dan wanita), staf Senior (Lelaki dan Wanita), Staf Veteran (Lelaki dan Wanita) serta VVIP. Dan saya juga dimaklumkan, pihak penganjur telah memperkenalkan satu kategori baru iaitu Super Veteran

untuk staf yang berusia 45 tahun ke atas membabitkan dua acara iaitu 400 meter dan 800 meter.

Semoga dengan peningkatan acara dan pengenalan kategori baru ini akan menjadikan Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP lebih menarik serta mampu mencipta lebih banyak rekod-rekod baru.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sudah menjadi lumrah dalam apa jua pertandingan, baik sukan, permainan, ataupun pertandingan berbentuk ilmiah, kemenangan adalah titik nokhtah yang diharapkan oleh setiap peserta.

Namun, sekiranya kemenangan itu diraih dengan kaedah yang tidak sihat misalnya melalui pertelingkahan atau pergaduhan, sudah pasti kejayaan yang sewajarnya menjadi detik termanis dalam hidup kita akan bertukar menjadi kenangan pahit.

Saya percaya, tiada sesiapa yang ingin bergelar ``Mereka Yang Tertewas''. Tetapi bagi saya, apa yang lebih penting ialah mengambil bahagian, mengutamakan semangat kesukanan, dan matlamat bersukan itu sendiri iaitu untuk mencari kesihatan fizikal dan kesejahteraan diri.

Justeru, besarlah harapan saya, agar kita semua yang berhimpun di padang ini dapat mengenyahkan terus perasaan

iri hati, hasad dengki terutama apabila melihat kejayaan insan lain.

Bagi saya, kejayaan setiap seorang daripada kita disini adalah kejayaan untuk UniMAP keseluruhannya. Jadi apakah salahnya jika kita bersatu hati berganding bahu untuk bersama-sama membawa kejayaan kepada universiti yang kita sayangi ini tanpa mengenyepikan semangat persaudaraan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kejohanan ini merupakan medan untuk anda mempamerkan kebolehan dan potensi diri, dan disini juga bakat anda akan dinilai. Siapa tahu bermula dari kejohanan seperti ini anda mungkin akan bergelar atlit negara.

Meskipun kita berteraskan kejuruteraan, tetapi bagi saya, aspek kesukanan dan kecergasan merupakan satu bidang yang tidak boleh dikompromikan. Melalui aktiviti sebegini akan membantu melahirkan minda pelajar serta kakitangan yang sihat dan cergas dalam melaksanakan tugas-tugas seharian.

Selain itu, saya juga ingin meletakkan nama UniMAP sebagai antara universiti yang digeruni di dalam bidang sukan. Untuk itu, saya sentiasa membuka peluang pekerjaan kepada atlit-atlit di peringkat kebangsaan mahupun negeri untuk mencurahkan keringat dan bakti mereka di sini.

Tahun lalu, kita memiliki Nazmizan Muhammad dan Noraseela Khalid, dan pada tahun ini kita bakal diperkuatkan lagi dengan kehadiran jaguh pecut 110 meter berpagar negara, Saudara Mohd. Robani Hassan serta jaguh badminton Muhammad Hafiz Hashim.

Dari aspek sukan takraw juga kita sememangnya boleh berbangga dengan kehadiran 5 atlit negara di UniMAP iaitu Mohd. Azman Nasruddin, Kamarudin Mat Arsad, Mohamad Nor Hakimi Marzuki, Mohamad Jabar Tariq Halizulpakar dan Ahmad Nazrin Hashim.

Kemasukan atlit-atlit berstatus nasional ini diharap dapat membantu UniMAP untuk mengungguli kejohanan Sukan Staf antara Universiti serta Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun yang dijadualkan pada tahun ini.

Selain itu, saya juga amat berharap, kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh atlit-atlit ini akan digunakan semaksimum mungkin untuk mendidik dan melatih pelajar-pelajar KEJURUTERAAN UniMAP untuk bersaing dengan lebih cemerlang pada Kejohanan Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM).

Hadirin sekalian,

Tahun lalu menjadi tahun yang sangat bermakna buat UniMAP apabila berjaya muncul Juara Keseluruhan

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti ke-33 yang berlangsung di UNIMAS Sarawak.

Lebih membanggakan lagi, apabila pasukan olahraga kita berjaya muncul juara keseluruhan melalui kutipan 17 pingat emas. Namun satu pertanyaan saya, Adakah kita sudah boleh berpuas hati dengan keputusan yang diraih tahun lalu ??

UniMAP juga cemerlang di pentas hoki, apabila pasukan staf berjaya menduduki tempat kedua dalam kejohanan hoki dewan di UPSI selain turut mencatatkan peningkatan dalam Liga Hoki Malaysia bagi divisyen 2.

Pasukan Pelajar UniMAP pula muncul tempat ketiga Kejohanan MASUM dan ini merupakan antara pencapaian terbaik UniMAP setakat ini.

Tidak ketinggalan, pasukan bola sepak UniMAP juga menunjukkan prestasi yang membanggakan sehingga kini apabila berjaya mara ke peringkat akhir Liga Bola Sepak Perlis bagi Divisyen 2. Tahniah sekali lagi.

Namun, saya percaya, universiti lain tidak akan berpeluk tubuh berdiam diri melihat kejayaan kita sebaliknya akan terus berlatih dengan gigih untuk menyaingi kita pada tahun ini.

Dan sebagai Naib Canselor UniMAP, saya tidak mahu melihat universiti yang saya kasihi ini sekadar memerhatikan pasukan lawan gembira meraih pingat emas.

Sedang kita masih terbuai dengan kejayaan manis lalu sehingga mengabaikan prestasi yang akhirnya mengundang kekalahan. Meskipun kita kekurangan prasarana dan infrastruktur sukan, namun saya percaya itu bukan halangan untuk kita meraih kejayaan. Apa yang lebih utama, usaha dan keyakinan yang tinggi.

Hadirin dan hadirin sekalian,

Sesungguhnya saya percaya penuh dengan kekuatan dan semangat kesukanan yang dimiliki oleh kakitangan dan pelajar UniMAP. Ayuh kita sama-sama bangkit bersatu hati untuk memastikan UniMAP terus mengekalkan kejuaraan yang disandang.

Marilah kita juga sama-sama bersepakat untuk meningkatkan kualiti kejohanan ini. Marilah kita sama-sama komited untuk memecahkan sebanyak mungkin rekod kejohanan; mempamer disiplin individu dan kontinjen ke tahap yang maksimum dan mengeratkan hubungan silaturrahim ke tahap optimum.

Saya juga berharap setiap atlit dan peserta akan memberikan kerjasama yang terbaik kepada semua pegawai kejohanan dan pengadil, sementara pegawai kejohanan pula memberikan perkhidmatan yang efisien dan berkesan sementara pengadil pula mengadili secara saksama dan profesional.

Jika kerjasama dalam semua aspek yang disebut ini dapat dipertingkatkan, tidak syak lagi kejohanan milik kita bersama ini akan menjadi yang terbaik.

Besarliah harapan saya juga untuk melihat semangat bersaing seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa, bukan sahaja di gelanggang sukan tetapi turut dipamer di gelanggang-gelanggang akademik, penyelidikan dan di bilik-bilik bekerja kita.

Saya yakin jika semangat yang sama dapat sentiasa dikekalkan, institusi kita akan dapat menjadi institusi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global.

Ingat kembali kata-kata saya sewaktu majlis Ucaptama Tahunan yang lalu – Saya mahukan UniMAP menjadi JUARA dalam semua aspek. Tiada Pengecualian. Ayuh kita pastikan hasrat itu mampu dicapai.

Ladies and gentlemen,

Again, I would like to thank all the team members especially Rumah Pink for the long hours spent and devotion to our team. To all of you, thank you for being here and enjoy the wonderful night.

And to all the winners tonight, I have a poem for you.

Today's your day in the sun

We're proud of you and what you've done

We think you deserve to be

A winner and we'll let it be

Ampuan tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili anggota jawatankuasa penganjur dan seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2009.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.